



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN (SMP) BERMULA ESOK

PUTRAJAYA, 22 Mei 2024 – Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2024 Peringkat Kebangsaan akan membuka tirainya bermula esok, 23 Mei sehingga 26 Mei 2024 di Pusat Beli Belah Angsana Mall, Johor Bahru bermula jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam. Sambutan Minggu Perpaduan ini merupakan sambutan kali kedua (ke-2) setelah sambutan kali pertama diadakan dengan jayanya di Kuching, Sarawak pada tahun lalu.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan berkata “Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan mampu **menjadi wadah perpaduan dan tapak integrasi yang berlandaskan pendekatan terpilih serta berkesan sehingga ke peringkat akar umbi untuk memperkukuh sekali gus mengeratkan hubungan masyarakat dalam usaha memelihara ekosistem perpaduan**”.

Sambutan yang berlangsung selama empat (4) hari ini menyasarkan kehadiran pengunjung seramai kira-kira 200,000 orang. Majlis perasmian Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2024 Peringkat Kebangsaan akan **disempurnakan oleh YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri** pada **25 Mei 2024** pada **jam 8.00 malam**.

Program ini menawarkan pelbagai pengisian akitiviti menarik dan interaktif kepada para pengunjung. Antara pengisian yang telah diatur pada sambutan kali ini ialah :

- Pameran Rumah KAMI (22 rumah etnik);
- Perkampungan Orang Asli suku kaum Seletar, Mahmeri dan Semai;
- Perkampungan Rumah Panjang suku kaum Iban;
- Pameran jabatan dan agensi Kerajaan dan swasta;
- Jualan Rahmah;
- Pameran dan jualan produk-produk Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Progresif;
- Larian Uniti (*Uniti Fun Run*);
- Foodunits dan *Foodtruck*;
- Permainan e-sports;

- Pertukaran topi keledar Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
- Pengurangan kadar kompaun saman oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan
- Persembahan artis terkenal melalui Malam Irama Sama-Sama Kita.

Sempena sambutan ini juga, KPN telah membuka **Pusat Media** di khemah Padang Akasia, berhadapan Pusat Beli Belah Angsana Mall bagi memudahkan para **pengamal media mendapatkan maklumat terkini mengenai program-program yang sedang berlangsung sepanjang sambutan ini.**

KPN ingin mengajak orang ramai khasnya kepada rakyat di Johor Bahru dan kawasan sekitarnya untuk sama-sama memeriahkan Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2024 Peringkat Kebangsaan. Sambutan ini adalah **peluang yang sangat berharga untuk kita bersama-sama memperkasa perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia** seterusnya mengukuhkan tapak integrasi nasional berteraskan Perlembagaan dan Rukun Negara.

Kementerian Perpaduan Negara

22 Mei 2024

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my